

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN
HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 44

Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kementerian melihat *Parliament Select Committee* yang ada pada ketika ini telah memainkan peranan dan berfungsi sebagaimana objektif penubuhannya.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha-usaha ke arah mengembalikan wibawa institusi Parlimen, sebanyak enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (*Special Select Committee*) telah ditubuhkan sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan hala tuju negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos 2018 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.

Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini adalah supaya wujudnya satu sistem mekanisme semak dan imbang serta pengawasan (*oversight*) yang lebih menyeluruh, di samping memupuk nilai akauntabiliti dalam ketiga-tiga cabang Kerajaan: Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman di bawah satu badan yang bebas dan bipartisan yang diletakkan di bawah kawal selia Parlimen Malaysia. Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini juga adalah selari dengan amalan Parlimen di negara-negara luar dan sejajar dengan *Recommended Benchmarks for Democratic Legislators, Commonwealth Parliamentary Association (CPA)*.

Peranan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini adalah tertakluk kepada terma rujukan masing-masing yang telah ditetapkan dan secara dasarnya merangkumi tiga aktiviti utama iaitu:

- (i) mengkaji atau mengawasi rang undang-undang (*legislative oversight*);

SOALAN NO. 44

- (ii) pertanyaan (*inquiry*) tentang apa-apa perkara yang bersabit dengan Jawatankuasa itu; dan
- (iii) mengawasi perbelanjaan (*oversight over the finance*)

Sejak penubuhannya, Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini kecuali Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang telah bermesyuarat lebih daripada dua kali bagi menjalankan fungsi-fungsinya tersendiri dan telah menetapkan rangka kerja sepanjang tahun berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.